

MAHATHIR - PEKERJA

1983

KUALA LUMPUR, 19 DIS (BERNAMA)-- CUKAI YANG DIKUTIP DARI SWASTA SEKARANG CUMA CUKUP UNTUK PERBELANJAAN MENGRUS SAHAJA DAN UNTUK PEMBANGUNAN; WANG TERPAKSA DIPINJAM; KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI YANG MENERANG DENGAN PANJANG LEBAR MENGAPA KERAJAAN MEMILIH OPTION PENGSWASTAAN SEMASA MERASMIKAN SEMINAR CUEPACS DI SINI; BERKATA SEMAKIN TINGGI PINJAMAN; SEMAKIN TINGGI KOS MENGRUS KERANA BAYARAN FAEDAH DIMASUK DALAM KOS MENGRUS.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PERWAKILAN CUEPACS YANG MENGHADIRI SEMINAR DUA HARI YANG BERTAJUK +PENGSWASTAAN DAN HAK TAWARMENAWAR+ BAHAWA DI MALAYSIA BILANGAN YANG BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN ADALAH TINGGI PERATUSANNYA BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN.

DISAMPING ITU PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN MILIK KERAJAAN SEPERTI PERKHIDMATAN KERETAPI, PELABUHAN; POS; TELEKOM; TELEVISION DAN RADIO; HOSPITAL DAN LAIN-LAIN; YANG SEPATUTNYA MEMBAWA KEUNTUNGAN; BIASANYA RUGI ATAU TIDAK BEGITU MENGUNTINGKAN.

+BERHADAPAN DENGAN MASALAH KOS MENGRUS YANG MELAMBUNG NAIK; DAN KUTIPAN CUKAI YANG TIDAK MENINGKAT SEPERTI YANG DIJANGKAKAN; MAKA KERAJAAN TERPAKSA MENCARI JALAN KELUAR.+ --LAGI 1603/MD

ZCZC B590

MAHATHIR - PEKERJA 2 KUALA LUMPUR

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR; SATU DARIPADA JALAN KELUAR IALAH MEMBERHENTIKAN PEMBANGUNAN TETAPI KESANNYA TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI AKAN MENJADI LEBIH BURUK LAGI.

+KITA BOLEH MENGURANGKAN BILANGAN KAKITANGAN KERAJAAN DENGAN MEMBUANG PEKERJA TETAPI INI JUGA MENIMBULKAN MASALAH.

+KITA BOLEH MENURUNKAN GAJI; TETAPI INI TENTU TIDAK POPULAR;+ TAMBAHNYA.

KATANYA; +AKHIR SEKALI; KITA BOLEH MENCARI JALAN SUPAYA PERKHIDMATAN KERAJAAN DIPERKECILKAN DENGAN MEMINDAH SEBAHAGIAN DARIPADANYA KEPADA SWASTA.

+JIKA INI BOLEH DIBUAT TANPA MERUGIKAN KAKITANGAN KERAJAAN; MAKA PEMBANGUNAN NEGARA TIDAK AKAN TERJEJAS.

+JIKA KERANA KECEKAPAN PENGURUSAN SWASTA; PERKHIDMATAN YANG DAHULU RUGI ATAU TIDAK BEGITU MENGUNTINGKAN MANJADI UNTUNG; MAKA BUKAN SAHAJA PEKERJA TIDAK RUGI; TETAPI NEGARA AKAN MENJADI LEBIH KAYA DAN KERAJAAN AKAN DAPAT LEBIH BANYAK CUKAI.+ --LAGI 1608/MD

MAHATHIR - PEKERJA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERPENDAPAT BAHAWA JIKA DITAMBAH PULA PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BANGUNAN; ALAT DAN LAIN-LAIN HARTA KERAJAAN KEPADA SWASTA; BEKALAN KERAJAAN UNTUK PEMBANGUNAN YANG TIDAK BOLEH DISWASTAKAN TENTU AKAN BERTAMBAH.

MISALNYA; KATANYA; HARTA BENDA TELEKOM DIANGGAP LEBIH \$2 BILLION.

BELIAU BERKATA MANUSIA MEMANG TIDAK SUKA KEPADA PERUBAHAN. +TETAPI KITA TAHU BAHAWA CUMA MEREKA YANG BERANI MENGUBAH NASIB SENDIRI YANG AKAN BERJAYA.+

+PENGSWASTAAN ADALAH SATU JENIS PERUBAHAN. PERUBAHAN INI ADALAH TERANCANG;+ TEGASNYA. --BERNAMA 1615/MD